

**ICU JPM Jpm Peruntuk RM4.9 Juta Bina PPKR Untuk Orang Miskin - Nor Mohamed Yakcop
Bernama
28 Januari, 2012**

KEPALA BATAS, 28 Jan (Bernama) -- Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) memperuntukkan RM4.9 juta bagi membina Projek Perumahan Kesejahteraan Rakyat (PPKR) Simpang Tiga Tasek Gelugor di sini.

Menteri di JPM Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata projek membina 57 rumah teres dan empat unit kedai itu akan dilaksanakan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).

"JPM telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.9 juta untuk bina PPKR di atas tanah Perda seluas 2.032 hektar di lot 1642, mukim 3 Tok Alang, Simpang Tiga di sini.

"Projek itu bagi membolehkan penduduk miskin, terutama mereka yang disenaraikan dalam e-kasih Pulau Pinang mempunyai rumah sendiri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran PPKR.

Nor Mohamed, yang juga Anggota Parlimen Tasek Gelugor, berkata projek rumah teres tiga bilik dan dua bilik air itu akan bermula esok dan dijangka siap pada Jun 2013.

Beliau berkata pemohon boleh mendapatkan borang daripada Perda, dan hanya mereka yang layak akan dipilih.

"Hanya yang betul-betul layak sahaja dipilih, dan mereka yang terpilih juga tidak perlu membayar sebarang pendahuluan, dan tiga tahun pertama boleh tinggal secara percuma di rumah PPKR.

"Masuk tahun keempat hingga ke-10, mereka hanya perlu bayar RM30 sebulan, dan RM40 sebulan sehingga tahun ke-15, selepas 15 tahun, pemilik rumah hanya perlu bayar RM3,000 untuk mendapatkan geran atas nama mereka," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642716>